



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## **KERATAN AKHBAR**

### **22 Oct 2020 (Khamis)**

#### **Berita Harian**

8 suspek disyaki cemar sungai ditahan	1
Pemulihan bekalan air capai 94 peratus kawasan	2
MBSJ jamin tiada kenaikan cukai tahun ini	3

#### **Utusan Malaysia**

Swasta kerja 4 jam sehari mulai hari ini	4
8 termasuk dua beranak ditahan	5
Telaga Rakyat jadi tumpuan	6
Elak penduduk Selangor terus merana	7

#### **Harian Metro**

Hanya 10% pekerja	8
Kami masih dalam Selangor	9
Bekalan air Hulu Langat pulih 100%	10
Dron pantau 2 lembangan sungai, tambah 20 kakitangan	11
Dua beranak ditahan	12
Tak hirau kecaman fokus penyelesaian	13

#### **Kosmo**

776,135 mula bekerja dari rumah	14
Dua beranak antara lapan ditahan kes pencemaran sungai	15
MB janji setahun lagi tingkat kualiti LRA	16
Kerbau berkeliaran resahkan pengguna jalan raya	17

#### **Sinar Harian**

776,135 rakyat bekerja dari rumah	18
Kerajaan Selangor guna dron pantau kualiti air sungai	19
'Saya positif terima segala kecaman'	20
Sultan berhak tegur demi rakyat	21
Enam suri rumah jana pendapatan RM3,000 sebulan jahit PPE	22

#### **Astro Awani**

Bantuan Air: Diskaun Tidak Akan Selesaikan Masalah Pencemaran Air-MB Selangor	23
Dron Teknologi Tinggi Bakal Pantau Sungai Di Selangor	24
Kerajaan Negeri Selangor Arah Tambah Pegawai Penguatkuasaan Kekang Pencemaran	25
Krisis Air: Mencari Penyelesaian Berterusan Masalah Air	26
Rakyat Ingin Tahu: Apa Jaminan Tidak Berlaku Pencemaran Sungai	27

#### **Bername News Channel**

Tambah 20 Anggota Air Selangor & Luas Pantau Kawasan Sungai / 8 Individu Direman	28
Bantu Siasatan Pencemaran Sumber Air	

#### **Bername Radio 24**

Krisis Air: Mencari Penyelesaian Berterusan Masalah Air	29
---------------------------------------------------------	----

#### **NTV7**

Kerajaan Negeri Tidak Bercadang Memberikan Diskaun	30
----------------------------------------------------	----

#### **Selangor TV**



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



Guna Dron Pantau Pencemaran Di Tiga Sungai	31
Pencemaran Air, Denda RM1 Juta	32
Pencemaran Air, Selangor Tawar Ganjaran RM20,000	33
Selangor Lantik Lebih Ramai Pegawai Selesai Isu Air	34
<b>TV3</b>	
Gangguan Bekalan Air: Langkah Atasi Masalah Berulang	35
<b>TV9</b>	
Kerajaan Negeri Tidak Bercadang Memberikan Diskaun	36
<b>The Star</b>	
Guard down	37
Batu Arang wet market safer after slope stabilisation works	38
MPKj seizes private plots used as illegal dumpsites	39
REDUCED COMPOUND	40
Eight held over latest river pollution	41
Virtual business summit rises to current challenges	42
Most Selangor infections not linked to Sabah	43
<b>New Straits Times</b>	
8 held in connection with Sg Selangor odour pollution	44
SELANGOR MULLS WATER REBATES	45
What happened to Selangor's 'smart water management'?	46
<b>The Sun</b>	
Confusion over WFH directive	47
Eight held over pollution of Sungai Gong	48
<b>Astro Awani</b>	
Selangor Government Proposes Harsher Punishment For River Polluters	49
<b>Mix FM</b>	
Selangor Govt Consider Giving Water Bill Discount	50
<b>Traxx FM (90.3)</b>	
Selangor Has Outline Several Long And Short Term Measures To Overcome The River Pollution Problem	51
<b>Sin Chew Daily</b>	
Selangor State intends to launch "SELAMAT Guide"	52
Set norms based on active cases in the community	
Property revaluation is expected to be completed next year, MBSJ will not raise assessment tax this year	53
Selangor drone monitoring 2 rivers	54
Minister: Releasable activated carbon reduces pollution	
Police: coveting RM2 million property	55
Indian woman involved in conspiracy with younger brother to murder visually impaired husband	
<b>Makkal Osai</b>	
Cmco in Selangor to be extended?	56



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



Pollution in river water Air Selangor condemn the issue	57
Cops must investigate perpetrators who caused river pollution	58
Night market again in Bandar Sungai Long	59
<b>Malaysia Nanban</b>	
Water bill discount	60
6 times water cut in Selangor this year	61
Sungai Selangor pollution; 8 arrested!	62
<b>8TV</b>	
Krisis Air: Mencari Penyelesaian Berterusan Masalah Air	63
<b>Astro AEC</b>	
Guna Dron Pantau Pencemaran Di Tiga Sungai	64
<b>RTM2</b>	
Isu Pencemaran Air : Kerajaan Selangor Tidak Harus Berkompromi	65
<b>Bernamea News Channel</b>	
Krisis Air: Mencari Penyelesaian Berterusan Masalah Air	66



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 22 October 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	8 suspek disyaki cemar sungai ditahan
Muka Surat	:	19

# 8 suspek disyaki cemar sungai ditahan

**Shah Alam:** Polis Selangor menahan lapan suspek termasuk pemilik sebuah syarikat dipercayai terbabit dalam kes pencemaran air Sungai Gong, Rawang pada Isnin lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Datuk Fadzil Ahmat, berkata semua suspek ditahan di Rawang jam 11.30 pagi semalam.

"Polis menahan dua lelaki be-

rumur 62 tahun serta anaknya berumur 31 tahun iaitu pengarah syarikat di Rawang.

"Polis turut menahan enam pekerja iaitu dua warga tempatan dan empat lelaki warga asing dari Nepal, Pakistan dan Myanmar.

"Semua suspek akan direman esok (hari ini) di Mahkamah Selayang. Kes disiasat mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksamaan," katanya dalam satu ke-

nyataan, semalam.

Fadzil berkata, tangkapan itu susulan insiden pencemaran sungai yang dikesan oleh Penguurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) jam 12.38 pagi pada 19 Oktober lalu.

"Air Selangor mengesan bau abnormal pada sumber air mentah di Sungai Selangor. Susulan itu Loji Rawatan Air (LRA) Rantau Panjang terpaksa dihenti tu-

gas apabila kadar bau dikesan pada paras tiga ton.

"Pada jam 2 pagi, beberapa LRA yang lain turut terpaksa dihenti tugas apabila kadar bau dikesan pada paras tiga ton.

"Hasil siasatan mendapati bau yang dikesan berakhir di alur air Sungai Gong, Rawang yang disyaki bermula dari sebuah syarikat membaiki dan menjual jentera pembinaan," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 22 October 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Pemulihan bekalan air capai 94 peratus kawasan
Muka Surat	:	19

### Pemulihan bekalan air capai 94 peratus kawasan

**Shah Alam:** Sejumlah 1,217 atau 94 peratus kawasan sudah menerima bekalan air sepenuhnya daripada 1,292 kawasan yang terbabit dengan gangguan bekalan air tidak berjadual setakat jam 7 malam tadi.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) berkata, daripada jumlah berkenaan sebanyak 75 kawasan masih lagi dalam proses pemulihan.

"Dua wilayah sudah mencapai tahap pemulihan 100 peratus iaitu Kuala Lumpur dan Hulu Selangor.

"Bagi wilayah Petaling dan Kuala Selangor pula masing-masing sudah mencecah 99.7 peratus dan 99.6 peratus.

"Sementara itu, wilayah Klang/ Shah Alam kini mencapai 86 peratus, diikuti Gombak 83 peratus manakala Kuala Langat sebanyak 75 peratus," kata syarikat itu dalam kenyataan, semalam.

Menurut kenyataan itu, Air Selangor juga menggerakkan lori tangki air untuk menghantar bekalan air ke kawasan yang terjejas.

"Air Selangor menghargai bantuan daripada majlis perbandaran tempatan dan operator air negeri lain yang menghantar bantuan lori tangki termasuk 10 unit dari Ranhil SAJ Sdn Bhd.

"Masing-masing dua buah dari Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB), Lembaga Air Perak (LAP), Majlis Perbandaran Klang (MPK) serta Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) serta masing-masing satu unit daripada Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) dan Syarikat Air Terengganu (SATU).

"Air Selangor juga mengingatkan kepada pengguna agar membiarkan air paip mengalir sehingga jernih sebelum digunakan.

"Air Selangor berharap pengguna menggunakan bekalan air secara berhemat bagi memastikan proses pemulihan di kawasan terjejas berjalan lancar seperti dijadualkan.

"Bantuan bekalan alternatif di pili awam dan Pusat Khidmat Setempat (PKS) masih lagi disediakan untuk kemudahan pengguna yang terbabit dengan gangguan bekalan air tidak berjadual ini.

"Air Selangor akan memaklumkan status pemulihan bekalan air dari semasa ke semasa menerusi semua medium komunikasi rasmi kami iaitu aplikasi Air Selangor, Twitter, Facebook dan Instagram Air Selangor dan laman sesawang [www.airselangor.com](http://www.airselangor.com)," kata kenyataan itu.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>22 October 2020</b>		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	MBSJ jamin tiada kenaikan cukai tahun ini
Muka Surat	:	31

# MBSJ jamin tiada kenaikan cukai taksiran tahun ini

Semakan semula dilakukan akibat kos pengurusan, pembangunan bandar raya kian meningkat



Oleh Zanariah Abd Mutalib  
 zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) yang dinaik taraf daripada Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), memberi jaminan tiada sebarang peningkatan cukai taksiran akan dilaksanakan pada tahun ini, walaupun kos perbelanjaan pengurusan dan pembangunan bandar raya semakin meningkat.

Datuk Bandarnya, Noraini Roslan, berkata walaupun nilai hartanah di Subang Jaya sudah meningkat berkali ganda, penentuan jumlah cukai masih bergantung pada penilaian hartanah pada 1995 dan 1997.

Justeru, katanya semakan semula cukai taksiran sedang dilakukan dan jika berlaku kenaikan cukai pada masa akan datang, ia dijangka tidak akan melebihi 20 peratus.

"Kita perlu berpihak di bumi nyata, yang mana kos untuk pengurusan bandar semakin dan sentiasa meningkat, seperti bayaran gaji, harga petrol, elektrik dan bahan mentah lain yang meningkat berkali ganda.

"Bagaimanapun, kita masih berpegang kepada penilaian pada 1995 dan 1997. Kita sedang melakukan penilaian semula dan dijangka diperolehi pada 2021.

"Ia kemudian perlu dibawa untuk persetujuan kerajaan negeri dan jika ia berlaku (peningkatan cukai) kita cuba tidak naikkan cukai itu melebihi 20 peratus.

"Kita harap penduduk faham keperluan ini dan saya kira, ia nanti adalah satu angka yang boleh diterima ramai," katanya pada sidang media yang diadakan secara maya, semalam.

Kelmarin, Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, memaklumkan MPSJ secara rasmi diisytiharkan sebagai MBSJ. Pengisytiharan itu, katanya dibuat selepas mendapat perkenan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Noraini berkata, MBSJ dijangka memperoleh pendapatan RM256 juta pada tahun ini, yang

**MBSJ masih berpegang kepada penilaian pada 1995 dan 1997. MBSJ sedang melakukan penilaian semula dan dijangka diperolehi pada 2021.**

**Noraini Roslan,**  
 Datuk Bandar MBSJ

mana 72 peratus adalah daripada hasil cukai, selain hasil bukan cukai seperti pembaharuan lesen perniagaan, caj perkhidmatan, hasil kutipan sewa, hasil jualan dan faedah pelaburan.

Katanya, disebabkan penularan COVID-19, pihaknya turut menjangkakan kehilangan pendapatan lebih RM25 juta berikutan kemerosotan sektor ekonomi di bandar raya itu, sekali gus turut memberi kesan terhadap perkhidmatan kepada masyarakat.

Bagaimanapun, beliau berkata, berikutan amalan pengurusan Lean, selain kutipan Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF) dan caj pemajuan, MBSJ ketika ini mempunyai rizab dan kedudukan kewangan yang kukuh bagi meneruskan perancangan

pembinaan infrastruktur utama. "Sejak 2018, kita sudah tidak bergantung kepada pendapatan Majlis semata-mata. Kita banyak bekerjasama rakan sinergi kita, pihak kerajaan dan swasta serta badan bukan kerajaan (NGO) dalam melaksanakan projek dengan masyarakat," katanya.

Mengulas mengenai perancangan MBSJ selepas daerah itu berstatus bandar raya, Noraini berkata, selaras visinya sebagai Bandaraya Mampan dan Bestari, Kota Niaga dan Kediaman Idaman menjelang 2030, beberapa pelan tindakan turut diwujudkan bagi panduan dan mengawal kualiti penyampaian perkhidmatan secara khusus.

Antaranya adalah Pelan Tindakan Hijau, Pelan Tindakan Bandar Selamat, Pelan Tindakan Bandar Pintar, Pelan Tindakan Bandar Sejahtera, Pelan Tindakan Bandar Sihat dan Pelan Tindakan Bandar Mesra Wanita, yang bertujuan meningkatkan perkhidmatan dari segi pengurusan sehingga penyampaian perkhidmatan kepada orang awam.

"Perancangan dan tumpuan utama akan lebih memfokuskan kepada urusan utama iaitu penyelesaian masalah aduan bandar raya seperti sampah, lampu, longkang dan jalan serta memperbaiki tindakan penguatkuasaan di lapangan," katanya.

Pada masa terdekat, katanya MBSJ akan meneruskan perancangan pembangunan termasuk pembinaan kompleks sukan baharu dengan kemudahan gelanggang futsal yang mengikut spesifikasi Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA), pembinaan jambatan antaranya di Persiaran Kewajipan dan beberapa lagi pembangunan infrastruktur lain, selain mendapatkan maklum balas penduduk mengenai senarai projek yang perlu diutamakan.



**Keratan akhbar**  
 BH semalam.



## KERATAN AKHBAR

### 22 October 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Swasta kerja 4 jam sehari mulai hari ini
Muka Surat	:	2

## Swasta kerja 4 jam sehari mulai hari ini

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**  
 maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Maksimum 10 peratus pekerja di peringkat pengurusan dan penyeliaan di kawasan terlibat Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dibenarkan berada di pejabat selama empat jam bermula 10 pagi hingga 2 petang berkuatkuasa hari ini.

Ini ekoran arahan kerajaan supaya semua pekerja kumpulan pengurusan dan penyeliaan yang mewakili 25 peratus atau 776,135 daripada 3.1 juta pekerja swasta di Sabah, Labuan, Kuala Lumpur yang diwajibkan Bekerja Dari Rumah (BDR).

**Bersambung di muka 2**

## Swasta kerja 4 jam sehari mulai hari ini

### Dari muka 1

Tetapi 10 peratus daripadanya dibenarkan bekerja selama empat jam sehari, tiga hari seminggu bermula hari ini berikutan arahan terbaharu kerajaan supaya sebilangan besar pekerja bekerja dari rumah sehingga tamat tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Bagaimanapun, peraturan itu tertakluk kepada pekerja-pekerja dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan pembinaan sahaja.

Menteri Kanan merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, dasar itu sebagaimana yang diarahkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) sebagai langkah untuk mengurangkan risiko penularan jangkitan pandemik Covid-19 di lima negeri dan kawasan terbabit.

Katanya, 10 peratus petugas

dibenarkan hadir ke pejabat berdasarkan keperluan pihak industri menguruskan perakaunan, kewangan, pentadbiran, perundangan, perancangan dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

“Tempoh masa berada di pejabat dihadkan selama empat jam sahaja bermula pukul 10 pagi sehingga 2 petang,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Sementara itu, hanya 30 peratus kakitangan sektor awam dibenarkan datang ke pejabat, iaitu dalam anggaran lebih 300,000 orang sepanjang tempoh pelaksanaan PKPB di lima negeri berikutan arahan bekerja dari rumah.

Bagaimanapun, syarat dan tempoh bekerja tidak berubah.

Dalam satu surat edaran semalam yang ditandatangani Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd. Khairul Adib Abd. Rahman, keberadaan pegawai perkhidma-

tan awam ke pejabat termasuk perkhidmatan awam negeri, pihak berkuasa berkanun dan pihak berkuasa tempatan (PBT) demi memastikan perkhidmatan asas tidak terjejas.

Bagaimanapun, beliau berkata, arahan kehadiran bertugas itu adalah terkecuali kepada penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan penting yang ditentukan oleh ketua jabatan selaras dengan surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertarikh 17 Mac lalu.

Dalam pada itu, Azmin berkata, syarikat-syarikat tidak perlu mengemukakan permohonan bagi tujuan tersebut, sebaliknya majikan hanya perlu mengeluarkan surat pelepasan perjalanan bagi setiap kakitangan yang dibenarkan bekerja sepanjang PKPB.

“Majikan perlu menetapkan garis panduan Bekerja Dari Rumah yang bersesuaian mengikut keperluan syarikat masing-masing,” katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>22 October 2020</b>		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	8 termasuk dua beranak ditahan
Muka Surat	:	10

Bantu siasatan kes pencemaran Sungai Selangor

## 8 termasuk dua beranak ditahan

**Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED**  
 utusannews@mediamula.com.my

**SHAH ALAM:** Lapan individu termasuk dua beranak ditahan bagi membantu siasatan kes pencemaran sungai yang mengakibatkan gangguan bekalan air sejak kelmarin yang menjejaskan kira-kira lima juta pengguna di Selangor dan Lembah Klang.

Kesemua suspek termasuk pengarah sebuah syarikat membaiki dan menjual jentera pembinaan itu ditahan di sekitar Rawang pada pukul 11.30 pagi semalam.

Ketua Jabatan Siasatan Jena-

yah Selangor, Datuk Fadzil Ahmat berkata, siasatan awal pihaknya mendapati bau yang dikesan berakhir di alur air Sungai Gong dipercayai bermula daripada premis syarikat tersebut.

"Susulan itu, kita menahan dua lelaki iaitu seorang berusia 62 tahun dan anaknya berusia 31 tahun yang merupakan pengarah syarikat berkenaan.

"Selain itu, kita turut menahan enam pekerja mereka termasuk empat lelaki warga asing (Nepal, Pakistan dan Myanmar) bagi membantu siasatan," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Tambah Fadzil, kesemua suspek akan direman di Mahkamah

Selangor hari ini. Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan.

"Penahanan dilakukan susulan laporan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) yang mengesan bau abnormal pada sumber air mentah di Sungai Selangor pada pukul 12.38 tengah malam kelmarin.

"Keadaan itu menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) Rantau Panjang terpaksa dihenti tugas apabila kadar bau dikesan pada paras 3 ton.

"Pada pukul 2 pagi, beberapa LRA lain juga terpaksa dihenti tugas apabila kadar bau dikesan pada paras sama," katanya. Kementerian Alam Sekitar

dan Air sebelum ini memaklumkan telah mengenal pasti tiga kawasan kilang yang disyaki menjadi punca pencemaran bau di Sungai Gong, hingga menyebabkan gangguan bekalan air di tujuh kawasan di Lembah Klang.

Siasatan Air Selangor turut mengesan bau bahan pelarut yang hampir sama dengan pencemaran di Sungai Gong, awal bulan lalu.

Sejak kelmarin, beberapa kawasan di Selangor yang terjejas sebelum ini kembali mendapat bekalan air bersih, bagaimanapun sehingga semalam masih ada kawasan yang belum mendapat bekalan air yang dijangka pulih secara berperingkat.



**FADZIL AHMAT**





**KERATAN AKHBAR**  
**22 October 2020**

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Telaga Rakyat jadi tumpuan
Muka Surat	:	10



**SEORANG** penduduk bersama anaknya mengambil air di Telaga Rakyat Anak Jati Jalan Kebun, Klang semalam. - UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS

## Telaga Rakyat jadi tumpuan

**SHAH ALAM:** Telaga Rakyat Anak Jati Jalan Kebun di sini menjadi tumpuan penduduk setempat yang mengambil air bagi kegunaan isi rumah.

Menurut pemilik tanah di lokasi telaga rakyat tersebut, Faizal Shahroni, 40, sejak gangguan bekalan air tidak berjadual berlaku semalam, ia menjadi tumpuan bukan sahaja penduduk setempat tetapi masyarakat luar dari Kota Kemuning turut datang mengambil air di situ.

“Telaga ini dibina bertujuan membantu penduduk setempat dan yang tinggal di kawasan berhampiran mengambil air

sekiranya memerlukan. Alhamdulillah, saya terharu kerana dapat membantu orang ramai yang keputusan bekalan air.

“Telaga yang dibina ini banyak memberi banyak manfaat kepada penduduk apabila berlaku masalah gangguan di kawasan ini. Sejak semalam, lebih daripada 100 individu datang mengambil air dan ada yang sanggup datang sejauh 10 kilometer.

“Sesiapa sahaja boleh mengambil air tanpa sebarang bayaran pada bila-bila masa,” katanya di Telaga Rakyat Anak Jati di Jalan Kebun hari ini.

Sementara itu seorang peniaga dari Berjaya Park, Fauzi Jumri, 40, sebagai peniaga warung dia perlu mendapatkan air bagi menguruskan perniagaan.

“Saya bersyukur kerana dengan adanya telaga ini dapat meneruskan perniagaan. Alhamdulillah air telaga di sini bersih dan selamat digunakan kerana telah beberapa kali mengambil air di sini.

“Kerajaan negeri jangan lepas tangan dan sekiranya berlakunya masalah seperti ini, perbanyakkan lori tangki untuk memudahkan rakyat mendapatkan air,” ujarnya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakbarsgor@gmail.com




CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 22 October 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Elak penduduk Selangor terus merana
Muka Surat	:	18



**KRISIS air di Selangor pada 4 Oktober lalu menjejaskan penduduk di 274 kawasan di Kuala Langat, Hulu Langat, Sepang dan Petaling. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO**

# Elak penduduk Selangor terus merana

### SAUDARA PENGARANG.

**KRISIS** air di Selangor kembali berulang apabila pada 4 Oktober lalu, Loji Rawatan Air Sungai Semenyih dan Bukit Tampoai terpaksa dihenti tugas sepenuhnya berikutan insiden pencemaran di Sungai Semenyih. Pada 19 Oktober pula, pencemaran bau di Sungai Selangor mengakibatkan kira-kira lima juta pengguna terpaksa berhadapan gangguan bekalan air.

Kejadian ini boleh disifatkan sebagai kegagalan kerajaan Selangor menangani masalah gangguan bekalan air dengan berkesan.

Untuk mengatasi masalah ini, dicadangkan diwujudkan sumber air sokongan seperti tangki tadahan air hujan di kawasan perumahan yang dibiayai oleh kerajaan negeri. Ini bagi memastikan gangguan bekalan air paip utama tidak memberikan kesan yang teruk kepada pengguna.

Kerajaan Selangor juga perlu melihat masalah ini sebagai isu pencemaran yang serius dan bukannya masalah gangguan bekalan air biasa. Tindakan tegas perlu diambil terhadap pihak yang melakukan pencemaran.

Tumpuan kerajaan negeri adalah memantau pihak yang mungkin mencemarkan sumber air. Oleh itu, sikap suka menuding jari kepada Kerajaan Persekutuan dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) tidak harus berlaku kerana ia hanya membazir masa dan tidak menyelesaikan masalah utama.

Pemantauan tidak cukup hanya dilakukan oleh JAS dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) sebaliknya harus melibatkan sama pihak berkuasa tempatan (PBT) yang memberikan kelulusan pembangunan berhampiran sungai.

**V. SELVAM**  
Selangor



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>22 October 2020</b>		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Hanya 10% pekerja
Muka Surat	:	4

# Hanya **10%** pekerja

Oleh Yusmizal  
 Dolah Aling  
 yusmizal@hmetro.com.my

*Miti beri izin pekerja berada di pejabat empat jam selama tiga hari seminggu*

## Kuala Lumpur

**K**ementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) bersetuju membenarkan maksimum 10 peratus pekerja merangkumi tugas tertentu berada di pejabat selama empat jam sahaja tiga hari seminggu.

Bidang tugas itu membatik perakaunan, kewangan, pentadbiran, perundangan, perancangan dan teknologi komunikasi maklumat bermula jam 10 pagi hingga 2 petang sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Menterinya Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, syarikat tidak perlu mengemukakan permohonan

bagi tujuan itu, sebaliknya majikan hanya perlu mengeluarkan surat pelepasan perjalanan bagi setiap kakitangan dibenarkan bekerja sepanjang PKPB.

“Berdasarkan sistem pangkalan data Miti Covid-19 Intelligent Management System (CIMS), jumlah pekerja berdaftar dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan pembinaan di Sabah, Labuan, Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya adalah 3.1 juta orang.

“Mengambil tanggungjawab bersama untuk melindungi kesihatan rakyat dan pekerja, Miti akan segera melaksanakan keputusan Majlis Keselamatan Negara (MKN) supaya pihak industri memperkenalkan dasar BDR atau *Work From Home*

**3.1 juta**

Jumlah pekerja berdaftar dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan pembinaan di Sabah, Labuan, Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya mengikut data CIMS

(WFH) bagi kakitangan pengurusan dan penyeliaan sebagai langkah mengurangkan risiko penularan jangkitan Covid-19 terutama di kawasan sedang menjalani PKPB,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Sidang Khas MKN kelmarin membincangkan maklum balas dan situasi terkini pandemik Covid-19.

Sebagai langkah *preemptive* membendung penularan wabak itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berpandangan terdapat keperluan mendesak memperketatkan prosedur operasi standard (SOP) dalam tempoh PKP iaitu dengan menghadkan pergerakan terutama di Selangor dan Kuala Lumpur yang mempunyai jumlah penduduk padat dan antara hab perindustrian utama negara.

Mohamed Azmin berkata, maklum balas diterima daripada industri, seramai 776,135 pekerja atau 25 peratus adalah pekerja dalam bidang pengurusan dan penyeliaan serta kumpulan ini diwajibkan untuk BDR bermula 22 Oktober 2020 selaras keputusan MKN.



## KERATAN AKHBAR

### 22 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Kami masih dalam Selangor
Muka Surat	:	4

## 'Kami masih dalam Selangor'

**Kuala Lumpur:** Pelakon Bella Dally mengakui dia dan seorang rakan melakukan aktiviti berbasikal di sekitar daerah Gombak, Selangor berhampiran Hutan Lipur Sungai Tua berdekatan sempadan negeri Selangor dan Pahang, baru-baru ini.

Ia susulan laporan Harian Metro mengenai tindakan seorang pelakon wanita bersama rakannya berbasikal merentasi sempadan di Jalan Gombak Lama ke arah Genting Sempah pada 18 Oktober lalu mengundang padah apabila mereka ditahan polis, kelmarin.

Bagaimanapun Bella menjelaskan, dia tidak merentasi sempadan negeri seperti yang ditularkan.

"Saya mengambil maklum laporan media termasuk yang tular di media sosial berkaitan dakwaan saya menyingkari Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PK-PB) yang dikuatkuasakan di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya ketika ini.

"Saya sudah memberi keterangan dan akan memberi kerjasama penuh kepada polis.

"Gambar yang saya muat naik di Instagram dengan kapsyen 'Woohoo Genting Sempah with...' menimbulkan kekeliruan hingga ada yang mendakwa saya merentasi sempadan negeri Selangor dan Pahang serta melanggar PKPB.

"Saya ambil maklum kekeliruan yang berlaku namun perlu saya jelaskan kami masih berada dalam negeri Selangor dan tidak merentasi sempadan antara dua negeri," katanya.

Menurut Bella, dia mengambil iktibar atas apa yang berlaku dan memohon maaf atas kekeliruan yang timbul.

"Jika saya berada di sempadan negeri, tentu ada papan tanda dan garis sempadan antara Selangor serta Pahang untuk rujukan.

"Apapun saya mengambil iktibar atas apa yang berlaku dan memohon maaf atas kekeliruan eko-ran hantaran di Instagram saya tempoh hari," katanya.

BELLA Dally



### Pelakon ditahan rentas sempadan

**Gombak:** Pelakon wanita berusia 29 tahun dan rakannya ditahan untuk diambil keterangan, kelmarin selepas dipercayai berbasikal merentasi sempadan negeri di Jalan Gombak Lama ke arah Genting Sempah di sini, pada 18 Oktober lalu.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Arifai Tarawe berkata, pihaknya sebelum itu menerima maklumat kejadian apabila melihat hantaran dimuat naik artis wanita terbabit di akaun Instagram pelakon berkenaan, petang kelmarin.

"Berdasarkan gambar, kami mengesyaki pemilik akaun berkenaan mungkin merentas negeri tanpa kebenaran pihak polis," katanya, semalam.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 22 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Bekalan air Hulu Langat pulih 100%
Muka Surat	:	11

## Bekalan air Hulu Langat pulih 100%

**Shah Alam:** Sebanyak 215 kawasan di wilayah yang terjejas akibat henti tugas Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3 dan Rantau Panjang akibat pencemaran masih dalam proses pemulihan sehingga jam 6 pagi semalam.

Menurut Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), sehingga jam 6 pagi semalam, Hulu Langat mendahului kawasan lain dengan pemulihan 100 peratus.

"Sehingga jam 6 pagi hari ini (semalam), 1,077 atau 83 peratus kawasan menerima bekalan air sepenuhnya berbanding 1,292 kawasan yang terjejas.

"Peratusan pemulihan mengikut wilayah setakat ini adalah Petaling (94 peratus), Klang/Shah Alam (54 peratus) Gombak (71 peratus), Kuala Lumpur (89 peratus), Kuala Langat (50 peratus) dan Kuala Selangor (99 peratus).

"Air Selangor memaksimumkan usaha memulihkan bekalan air kepada pengguna terjejas," katanya, semalam.

Berikutan itu Air Selangor menasarkankan, masa pemulihan sepenuhnya bagi semua kawasan terjejas dijangka pada jam 8 pagi hari ini.

Air Selangor juga menyarankan kepada pengguna supaya membiarkan air pili mengalir sehingga jerih sebelum digunakan.

"Air Selangor berharap pengguna yang mendapat bekalan air menggunakannya secara berhemat bagi memastikan proses pemulihan di kawasan terjejas berjalan lancar seperti dijadualkan," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**22 October 2020**

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Dron pantau 2 lembangan sungai, tambah 20 kakitangan
Muka Surat	:	11

## Dron pantau 2 lembangan sungai, tambah 20 kakitangan

**Shah Alam:** Kerajaan negeri menggariskan beberapa langkah penyelesaian jangka masa pendek dan panjang susulan isu pencemaran sumber air yang kerap berlaku di negeri ini. Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, bagi penyelesaian jangka pendek, kerajaan negeri menambah lebih 20 kakitangan bagi melakukan pemantauan di dua lembangan sungai utama iaitu Sungai Selangor dan Sungai Langat.

Katanya, dua jabatan iaitu Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dan Lembaga Urus Air Selangor (Luas) diarah menambah jumlah kakitangan kontrak bagi tujuan pemantauan itu. “Dalam pada itu, seperti diumumkan mulai November ini, kami menggunakan perkhidmatan dron yang akan memberikan kajian awal mengenai premis bangunan dan juga perkara berhampiran sungai yang boleh mencemarkan sum-

ber air. “Dron berkenaan mampu mencerap kualiti dan kuantiti kedudukan air yang mengalir di sungai dengan kekerapan dua kali sehari serta boleh bergerak sejauh 1,000 kilometer,” katanya ketika sidang media di Bangunan Sultan Salehuddin Abdul Aziz Shah (SSA-AS) di sini,

**Dron mampu mencerap kualiti dan kuantiti air sungai dengan kekerapan dua kali sehari**

semalam. Amirudin berkata, untuk penyelesaian jangka panjang, kerajaan negeri merancang meningkatkan pengurusan dan perawatan air Loji Rawatan Air (LRA) di negeri ini. Jelasnya, perancangan itu mungkin mengambil masa panjang apabila teknologi yang ingin digunakan akan menyahbau pencemaran

dari sumber air tanpa perlu henti tugas LRA. “Teknologi lain yang mungkin digunakan adalah dengan menyekat air tercemar di sungai dan menyalurkan bekalan menggunakan beberapa kolam takungan lain atau menerusi Projek Hybrid Off River Augmentation Storage (HORAS). “Air Selangor meneliti hal ini secara menyeluruh dan pasti ia membabitkan kos ratusan juta ringgit,” katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



<b>KERATAN AKHBAR</b>		
<b>22 October 2020</b>		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Dua beranak ditahan
Muka Surat	:	11

Oleh Muhaamad Hafis  
 Nawawi  
 mhafis@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**D**ua beranak yang juga pengarah syarikat ditahan di Rawang semalam susulan kes pencemaran air Sungai Gong yang menyebabkan 1,196,457 akaun merangkumi 1,292 kawasan terjejas, Isnin lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Datuk Fadzil Ahmat berkata, mereka berusia 31 dan 62 tahun ditahan jam 11.30 pagi semalam bagi membantu siasatan.

Menurutnya, enam pekerja terdiri dua lelaki tempatan dan empat lelaki warga asing dari Nepal, Pakistan dan Myanmar turut ditahan.

“Mereka direman esok di Mahkamah Selayang dan kes disiasat mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan,” katanya dalam kenyataan, media semalam.

Pihak Air Selangor mengesan bau *abnormal* pada sumber air mentah di Sungai Selangor jam 12.38 tengah malam, 19 Oktober lalu.

Berikutan itu Loji Rawatan Air (LRA) Rantau Panjang dihenti tugas apabila kadar bau dikesan pada paras tiga ton.

Pada jam 2.00 pagi, beberapa LRA lain dihenti tu-

**DALANG PENCEMARAN AIR SUNGAI GONG**

# Dua beranak ditahan



PENCEMARAN terbaharu menyebabkan penutupan empat loji iaitu LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3 dan Rantau Panjang.

gas apabila kadar bau juga dikesan pada paras tiga ton. Siasatan mendapati bau dikesan berakhir di alur air Sungai Gong, Rawang yang

disyaki bermula dari sebuah syarikat membaiki dan menjual jentera pembinaan.

Harian Metro sebelum ini

melaporkan henti tugas keempat loji itu menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual membabitkan 1,196,457 akaun merangkumi

1,292 kawasan di Kuala Lumpur, Petaling, Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 22 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Tak hirau kecaman fokus penyelesaian
Muka Surat	:	11

**Shah Alam:** Walau dice-  
 muh, Menteri Besar Selangor,  
 Datuk Seri Amirudin Shari  
 kekal positif dalam menangani  
 masalah pencemaran yang  
 menyebabkan gangguan bekalan  
 air tidak berjadual di negeri ini.

Beliau memahami situasi  
 dihadapi sebilangan pihak yang  
 berang dengan insiden gangguan  
 bekalan air dan kerajaan negeri  
 harus menang dalam menangani  
 permasalahan itu.

"Dari tuding jari dan ke-  
 luarkan teori konspirasi, lebih  
 baik kita tenang dan se-

lesaikan masalah.

"Mereka memang marah,  
 tapi kita mahu selesaikan isu  
 secara sistematik dan bukan  
 hanya gimik," katanya ketika  
 sidang media di Bangunan  
 Sultan Salehuddin Abdul  
 Aziz Shah (SSAAS) di sini,  
 semalam.

Beliau menjawab soalan  
 berhubung tuntutan bebe-  
 rapa pihak yang mahu beliau  
 meletak jawatan susulan isu  
 pencemaran yang kerap ber-  
 laku di negeri ini.

## *Tak hirau kecaman, fokus penyelesaian*

Dalam pada itu, susulan  
 gangguan bekalan air, Sultan  
 Selangor, Sultan Sharafud-  
 din Idris Shah turut men-  
 zahirkan rasa dukacita ber-  
 rikutan rakyat negeri ini  
 perlu bergelut dengan gang-  
 guan bekalan air serta pe-  
 nularan wabak Covid-19.

Mengulas titah Sultan Se-  
 langor, Amirudin berkata,  
 kerajaan negeri menjunjung  
 kasih atas keprihatinan ba-  
 ginda, malah usaha turut di-  
 pergiatkan sejak 8 Septem-

ber lalu bagi melakukan pe-  
 mantauan khususnya di ka-  
 wasan *hotspot*.

"Malah, bagi menggalak-  
 kan penyertaan masyarakat  
 dalam membantu pemanta-  
 uan sungai ini, kami juga  
 menyediakan tawaran  
 RM20,000 kepada pemberi  
 maklumat. Bagaimanapun,  
 maklumat itu mesti berguna  
 untuk memastikan mereka  
 yang tidak bertanggungja-  
 wab ini dikenakan tinda-  
 kan," katanya.

Pada Isnin lalu, Penguru-  
 san Air Selangor (Air Se-  
 langor) memaklumkan 1.2  
 juta akaun pengguna di tu-  
 juh daerah di negeri ini ber-  
 depan gangguan bekalan air  
 tidak berjadual berikutan  
 pencemaran sumber air  
 mentah di kesan di Sungai  
 Selangor pada jam 2 pagi.

Pencemaran itu meny-  
 ebabkan penutupan empat  
 loji iaitu LRA Sungai Selang-  
 or Fasa 1, 2, 3 dan Rantau  
 Panjang.



AMIRUDIN





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR 22 October 2020

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	776,135 mula bekerja dari rumah
Muka Surat	:	5

Waktu pejabat dihadkan empat jam sehari, tiga hari seminggu

# 776,135 mula bekerja dari rumah

Oleh **SYED MOHD HAZIQUE**  
**SYED NOR**

**KUALA LUMPUR** – Seramai 776,135 orang pekerja dalam bidang pengurusan dan penyeliaan diwajibkan untuk bekerja dari rumah bermula hari ini.

Menteri Kanan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, ia selaras dengan keputusan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Namun, MITI bersetuju untuk membenarkan maksimum 10 peratus pekerja merangkumi tugas yang melibatkan perakaunan, kewangan, pentadbiran, perundangan, perancangan dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) disebabkan keperluan pihak industri yang memerlukan kehadiran sebilangan kecil pekerja peringkat pengurusan dan penyeliaan.

"Waktu pejabat dihadkan selama empat jam sahaja bermula pukul 10 pagi hingga 2 petang un-

tuk tiga hari seminggu," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mengulas lanjut, Azmin berkata, syarikat-syarikat tidak perlu mengemukakan permohonan.

"Majikan-majikan hanya perlu mengeluarkan surat pelepasan perjalanan bagi setiap kakitangan yang dibenarkan bekerja sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

"Pihak majikan juga perlu menetapkan garis panduan yang bekerja dari rumah yang bersesuaian mengikut keperluan syarikat masing-masing," ujarnya.

Tambah Azmin, MITI akan meneruskan pemantauan dan penguatkuasaan yang tegas bagi memastikan pelaksanaan dan pematuhan prosedur operasi standard dalam kalangan pihak industri.

Semalam *Kosmo!* melaporkan, kira-kira sejuta pekerja termasuk 200,000 penjawat awam di peringkat pengurusan di kawasan PKPB turut diarahkan untuk bekerja dari rumah.



**SEORANG** akauntan, Shazreen Samsuri, 27, adalah salah seorang daripada 776,135 pekerja yang mula bekerja dari rumah mengikut saranan MKN. – AMIR IRSYAD OMAR



<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>22 October 2020</b>		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Dua beranak antara lapan ditahan kes pencemaran sungai
Muka Surat	:	7

## Dua beranak antara lapan ditahan kes pencemaran sungai

Oleh **ISKANDAR SHAH MOHAMED**

**SHAH ALAM** – Dua beranak antara lapan individu yang ditahan polis bagi membantu siasatan kes pencemaran sungai yang mengakibatkan gangguan bekalan air sejak kelmarin.

Kesemua suspek termasuk pengarah sebuah syarikat membaiki dan menjual jentera pembinaan itu ditangkap di sekitar Rawang pukul 11.30 pagi semalam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Datuk Fadzil Ahmat berkata, siasatan awal pihaknya mendapati bau yang dikesan berakhir di alur air Sungai Gong dipercayai bermula daripada premis syarikat tersebut.

“Berikutan itu, kita menahan dua lelaki iaitu seorang berusia 62 tahun dan anaknya berusia 31 tahun yang merupakan pengarah syarikat berkenaan.

“Selain itu, enam pekerja mereka termasuk empat lelaki warga asing (Nepal, Pakistan dan Myanmar) ditahan bagi membantu siasatan,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Fadzil menegaskan semua suspek akan direman di Mahkamah Selayang esok dan kes disiasat mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan.

Tambah Fadzil, penahanan itu dilakukan susulan laporan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) yang mengesan bau abnormal pada sumber air mentah di Sungai Selangor pada pukul 12.38 tengah malam kelmarin.

“Keadaan itu menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) Rantau Panjang terpaksa dihenti tugas apabila kadar bau dikesan pada paras 3 Ton.

“Pada pukul 2 pagi Isnin, beberapa LRA lain juga terpaksa dihenti tugas apabila kadar bau dikesan pada paras sama,” katanya.

Kementerian Alam Sekitar dan Air sebelum ini memaklumkan telah mengenal pasti tiga kawasan kilang yang disyaki menjadi punca pencemaran bau di Sungai Gong, hingga menyebabkan gangguan bekalan air di tujuh kawasan di Lembah Klang.

Siasatan Air Selangor turut mengesan bau pelarut yang hampir sama dengan pencemaran di Sungai Gong, awal bulan lalu.





**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
 CERT. NO. : AR1991



**KERATAN AKHBAR**  
**22 October 2020**

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	MB janji setahun lagi tingkat kualiti LRA
Muka Surat	:	7



**AMIRUDIN menunjukkan isyarat dua kaedah digunakan bagi meningkatkan LRA dalam menangani gangguan tidak berjadual kepada pengguna sekitar Lembah Klang. – ZULFADHLI ZAKI**

# MB janji setahun lagi tingkat kualiti LRA

**SHAH ALAM** – Kerajaan negeri akan mempertingkatkan kualiti pengurusan dan perawatan air di Loji Rawatan Air (LRA) setahun lagi sebagai langkah jangka panjang menangani gangguan bekalan air tidak berjadual di sekitar Lembah Klang.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, peningkatan itu dilakukan menerusi dua kaedah sama ada menggunakan teknologi tertentu bagi membuang dan menyahbau di LRA atau menyekat dan menyalurkan air yang tercemar ke Projek Hybrid Off River Augmentation Storage (HORAS).

